

20/06/1999

Lambang Petronas jadi logo Pas

KUALA LUMPUR: Wakil Pahang, Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman yakin wujud unsur sabotaj dalam institusi korporat bertujuan menjatuhkan Umno dan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, perubahan logo Petronas kepada lambang Pas di stesen minyak Petronas jelas menunjukkan `pengkhianatan' orang dalam yang ternyata menyokong Pas.

"Dua minggu lalu, ketika dalam perjalanan dari Kuantan ke Temerloh, saya melihat sendiri lambang bulan berwarna hijau pada logo Petronas ditukar menjadi putih dan latar belakang yang dulunya putih menjadi hijau.

"Seolah-olah ada sabotaj dan saya percaya memang ada sabotaj dalam Petronas Dagang yang menukar logo Petronas kepada logo Pas. Kita tuntutan sesiapa yang bertanggungjawab ini dihukum dan turunkan lambang itu kerana ini adalah pengkhianatan sebesar-besarnya," katanya ketika membahaskan ucapan dasar Presiden.

Selain Petronas Dagang, katanya, institusi korporat lain seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut terjadi pengkhianatan serupa.

"Saya diberitahu orang di atas sendiri (dalam TNB) ada pakatan dengan adik-beradik yang sememangnya menyokong Pas. Mereka menggunakan keuntungan daripada projek untuk menaikkan bendera Pas.

"Saya tidak tahu siapa adik-beradik dia tetapi perkara ini amat mencemaskan. Hulubalang kita yang terpekik-pekik hendak mencari projek pun akhirnya dapat kepada orang Pas," katanya sambil menegaskan bahawa Umno bukanlah satu perjuangan yang berasaskan projek tetapi wadah perjuangan sebenar.

Beliau menyarankan ahli Umno pelbagai peringkat supaya bersikap proaktif dalam menangani serangan pembangkang dan etnik Barat, yang sememangnya ingin memecahbelahkan bangsa Melayu dan umat Islam.

"Jika mereka lawan guna Internet, kita juga perlu lawan guna Internet. Yang jelas, semua ahli perlu berani untuk bertindak dan berhujah menangkis segala cubaan yang datang.

"Jangan biarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Ibrahim Ali saja sehingga tercabut gigi mempertahankan parti dan negara. Kita mahu semua, termasuk yang di atas berani tampil dan berhujah," katanya.

(END)